

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YMP 304 - Kewartawanan II

Masa: [3 jam]

---

BAHAGIAN A (40%).

1. Jawab semua soalan dengan ringkas. Sumbangan setiap soalan adalah 2 markah.
  - a. Beri empat sebab kenapa berita ditulis dalam bentuk "piramid terbalik".
  - b. Beri empat unsur pencaman (cam, kenal; identify, identification) seseorang watak dalam pemberitaan.
  - c. Apakah perbezaan antara ketepatan rakaman dan ketepatan hakiki? Ketepatan jenis manakah yang lebih mustahak dari sudut perundangan?
  - d. Dalam tahun berapa dan di bandar manakah akhbar Melayu pertama di Malaysia diterbitkan?
  - e. Menurut Birch, akhbar Melayu pertama tidak membangkang ataupun mengkritik kerajaan. Namun demikian, Birch menyebut satu peristiwa di mana akhbar itu telah menegur kerajaan pada masa itu. Apakah nama akhbar itu dan apakah peristiwa tersebut?
  - f. Apakah nama akhbar Cina pertama di Malaysia? Bila dan di bandar manakah ia diterbitkan?
  - g. Beri nama penuh persatuan yang telah memulakan penerbitan akhbar Cina pertama di Malaysia. Apakah tujuan ia menerbitkan akhbar tersebut?

...2/-

- h. Apakah nama akhbar Tamil (India) pertama di Malaysia dan di bandar manakah ia diterbitkan?
- i. Dalam tahun berapa dan di bandar manakah akhbar pertama (berbahasa Inggeris) di Malaysia diterbitkan?
- j. Siapakah pengasas penerbitan akhbar sulung (pertama) itu? Apakah beliau perlu meminta izin daripada pihak berkuasa untuk menerbitkan akhbarnya? Siapakah "pihak berkuasa" itu?
- k. Apakah perbezaan antara adab (etika) dengan undang-undang?
- l. Perundangan amnya dikuatkuasakan dengan hukuman. Beri tiga tujuan hukuman.
- m. Apakah perkara berkaitan persuratan-penerbitan yang dilarang oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri?
- n. Kenapakah Abdul Rahim Kajai sering dianggap sebagai "Bapa Kewartawanan Melayu"? Bilakah zamannya? Apakah nama sebenarnya? Kenapakah dia digelar Abdul Rahim "Kajai"?
- o. Dalam tahun berapakah Akta Rahsia Rasmi (ARR) digubal? Apakah hal yang terangkum dalam kuatkuasa akta ini? Di bawah ARR, apakah hukuman terberat (maksimum) bagi pesalah?
- p. Beri tiga jaminan hak asasi yang dianggap berkait yang dimaktubkan di dalam Artikel/Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.
- q. Hak apakah yang termaktub di dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Hak apakah pula yang termaktub di dalam Artikel/Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

...3/-

r. Terangkan dua lagi Artikel/Perkara di dalam Perlembagaan, selain daripada Bahagian III dan Artikel/Perkara 153, yang dilarang penyoyalannya oleh Akta Hasutan.

s. Apakah "fitnah" dari takrif perundangan?

t. Akhbar seringkali digelar The Fourth Estate. Apakah tiga Estates lain (cabang kuasa) yang berkait yang menjadikan akhbar Estate yang keempat?

BAHAGIAN B (60%). Jawab tiga soalan dalam bentuk karangan.

2. Kebebasan berucap dan berakhbar tidak perlu bagi sesebuah negara sedang membangun. Beri hujah untuk menyokong ataupun menafikan kenyataan ini.

(20 markah)

3. Huraikan secara kasar sejarah persuratkhabaran Malaysia. Dan bertolak dari situ -- dengan mengambil kira perkembangan media siaran (elektronik) -- buat lunjuran tentang kemungkinan masa depan bidang dan industri persuratkhabaran negara ini menjelang akhir abad ini.

(20 markah)

4. "Negara ini mempunyai terlalu banyak undang-undang yang mengongkong media, terutama akhbar." Bincangkan.

(20 markah)

5. "Persuratkhabaran adalah satu perniagaan yang memperdagangkan maklumat. Dan seperti perdagangan lain, apa yang penting baginya ialah keuntungan. Ia cuma berselindung di sebalik tabir kemurnian 'perjuangan menegakkan kebenaran' sebagai alasan semata-mata." Hujahkan.

(20 markah)